

# Memahami Falsafah Kehidupan dari Allegori Hayy Ibn Yaqzan Karya Ibnu Tufail

Oleh: Syed Ahmad Fathi

Email: [fathi137@gmail.com](mailto:fathi137@gmail.com)

Buku bertajuk *The History of Hayy Ibn Yaqzan* merupakan karya terjemahan yang telah dimodenkan. Terjemahan asal naskah ini telah dibuat oleh Simon Ockley. Terjemahan asal Ockley bertajuk *The Improvement of Human Reason, Exhibited in the Life of Hai Ebn Yokdhan* diterbitkan pada tahun 1708. Tulisan ini mengisahkan bagaimana seorang manusia bernama Hayy yang hidup bersendirian sejak bayi di sebuah pulau yang tidak didiami oleh manusia. Versi yang akan dihuraikan dalam kertas penulisan ini adalah versi terbitan Islamic Book Trust (2020).<sup>1</sup>

## Pendahuluan

Versi ini telah diberikan pendahuluan oleh Bakhtyar Husain Siddiqi dari Government College, Lahore. Menurut beliau idea utama buku ini tidaklah asli dari Ibnu Tufail, tetapi berasal dari Alexandria dan Parsi. (xi) Namun apa yang menyebabkan karya Ibnu Tufail ini menjadi original adalah usahanya menggunakan kisah yang mudah untuk menyampaikan falsafah yang berat, ini adalah sumbangan Ibnu Tufail.

Tulisan Ibnu Tufail ini membawakan pandangan bahawa manusia, jika dibiarkan bersendirian, dengan hanya bantuan alam sekitar dan tanpa bantuan masyarakat dan manusia lain, mampu mencapai kebenaran sebenar jika dia mempunyai keinginan dan kesungguhan untuk mencapainya. (xi-xii) Bakhtyar berpendapat, dari bacaannya, pemikiran Ibnu Tufail mempunyai persamaan dengan Kant dalam persoalan logik, bahawa logik mempunyai limitasi dan hujahnya jika dibiarkan sendiri akan membawa kepada banyak percanggahan antara satu sama lain. (xiv)

Karya Ibnu Tufail ini juga membawa ke tengah perdebatan perihal konsep *tabula rasa*. Dalam teori ilmu atau epistemologi, *tabula rasa* adalah konsep yang menyatakan bahawa minda manusia pada awal kelahirannya adalah kosong, ilmu datang kemudian melalui pengalaman dan persepsi dari objek-objek luaran di dunia yang diketahui melalui deria. Menurut Bakhtyar, konsep roh dan minda manusia pertama dalam karya Ibnu Tufail tidak seperti *tabula rasa*, manusia sejak awal sudah ditanam dengan fitrah-fitrah yang sesuai dengan kehendak Tuhan. Untuk kita melihat fitrah-fitrah ini, kita memerlukan minda yang bersih, tanpa prejudis dan tanpa pengaruh-pengaruh sosial. (xvii)

---

<sup>1</sup> Abu Bakr Ibn Tufail. *The History of Hayy Ibn Yaqzan*. Translated from the Arabic by Simon Ockley. Islamic Book Trust, Kuala Lumpur, 2020.

Apa yang dianggap fitrah manusia ini merupakan objek pemerhatian ahli falsafah zaman berzaman. Hegel misalnya, ada membawakan eksperimen minda perihal konsep *manusia pertama*. Manusia pertama menurut Hegel adalah keadaan asal selepas ditanggalkan personaliti yang dibentuk pengaruh sosial seperti agama dan budaya. Manusia pertama bagi Hegel adalah manusia yang hidup sebelum terbentuknya masyarakat sivil, iaitu sebelum sejarah bermula.<sup>2</sup>

Menurut Bakhtyar, falsafah adalah usaha untuk mencapai kebenaran dalam bentuk konsep dan imej dengan menggunakan keupayaan intelektual. Oleh itu, falsafah tidak dapat dicapai melalui ekspresi yang biasa digunakan. Hatta bahasa adalah produk kepada keperluan material dan hanya boleh mengungkapkan perkara-perkara duniawi. Ia tidak dapat mengungkapkan sesuatu yang abstrak dengan tepat, kadang kala ia perlu menggunakan allegori dan simbol yang menyebabkan manusia memahami perkara yang lain, bukan perkara abstrak yang cuba diterangkan. (xx)

Falsafah jika difahami dengan betul tidak bertentangan dengan agama. Kedua-duanya mencapai kebenaran yang sama melalui metodologi dan cara yang berbeza. Namun, tidak semua orang mempunyai kemampuan mencapai kebenaran melalui falsafah. Oleh itu Ibnu Tufail bersetuju dengan kerajaan Muwahhid yang menguasai Andalusia ketika itu untuk tidak menyebarkannya kepada masyarakat umum. Agama adalah untuk masyarakat umum, namun falsafah dikhaskan kepada orang persendirian tertentu yang mempunyai kemahiran. (xxi) Falsafah adalah hal peribadi yang eksklusif yang memerlukan seseorang itu mempunyai kebolehan dan sifat tertentu untuk mencapai pencerahan. Agama pula merupakan disiplin sosial yang berusaha menaiktaraf kehidupan manusia secara saksama menerusi institusi dan bersama, ia dalam banyak hal tidak meneliti perbezaan individu terutamanya dalam soal kebolehan dan perasaan dalam diri. (xxii)

Dalam naskah ini, tesis utama Ibnu Tufail adalah jika manusia itu dibiarkan berseorangan, dia mampu sampai kepada kebenaran yang sebenar. (xxv) Inilah yang cuba beliau huraikan dengan menggunakan falsafah dalam allegori Hayy Ibnu Yaqzan.

### **Permulaan yang misteri**

Ibnu Tufail tidak memberikan satu naratif yang jelas tentang bagaimana Hayy muncul di sebuah pulau yang tidak dihuni manusia ini. Sebaliknya dia memberikan dua hipotesis. Pertama dia adalah seorang putera yang dihanyutkan oleh ibunya demi keselamatannya dari daerah lain. Hipotesis ini mirip kepada kisah Nabi Musa yang dihanyutkan ibunya agar terselamat dari kekejaman Firaun. Hipotesis kedua adalah kelahiran dari alam semulajadi, mirip dengan proses evolusi cuma ia berlaku dalam masa yang lebih singkat, tidak mengambil masa berbilion tahun. Walaubagaimanapun, selepas kemunculan Hayy, naratifnya tidak lagi bercabang. Dia kemudian dibesarkan oleh seekor rusa betina yang ketika itu sedang mencari anaknya yang hilang.

Hayy membangunkan inteleknya dengan melihat alam. Binatang buas adalah antara tempat pertama pemerhatiannya jatuh. Dia melihat haiwan memiliki kulit dan bulu yang tebal, ini membantu mereka untuk hidup dalam habitat yang mencabar. Mereka juga mempunyai senjata semulajadi seperti tanduk, sumbu, gigi yang tajam dan juga kuku. Dari pemerhatian ini Hayy mula membangunkan idea bahawa dia juga perlukan pakaian dan juga kelengkapan persenjataan bagi melindungi dirinya, juga untuk keperluan survival. (12)

---

<sup>2</sup> Syed Ahmad Fathi. *Lalang di Lantan Ideologi*. Cukong Press, 2022. Hlm. 141-143

## ***The Being* – Konsep Roh**

Hayy mula berfikir dengan dalam perihal falsafah kehidupan apabila ibu rusanya mati. Ibnu Tufail menggambarkan Hayy yang dilanda kesedihan cuba untuk mencari hakikat kehidupan. Apa yang dimaksudkan hidup? Apa yang menyebabkan sesuatu itu hidup? Dengan harapan jika dia dapat mengetahui perkara ini dia dapat membaiki keadaan ibu rusanya yang mati untuk hidup semula. Daripada episod ini juga, para cendiakawan dapat memahami pendirian Ibnu Tufail dalam soal perubatan. Dalam usahanya memahami roh dan kehidupan, Hayy telah melakukan pembedahan ke atas ibu rusanya bagi mencari dimana ada berlaku kecacatan atau kesakitan untuk dirawat. Dari hal ini dapat difahami bahawa Ibnu Tufail bersetuju dengan kaedah pembedahan bagi tujuan perubatan.

Namun apa yang dicari oleh Hayy iaitu *the being* atau roh, tidak dapat dia temui. Dia pasti bahawa ia telah pergi dari ibu rusanya. Persoalannya, apakah itu roh? Bagaimana ia wujud dan mampu bertahan? Apa yang mencantumkannya dengan badan fizikal? Ke mana ia pergi apabila sesuatu itu mati? (19) Dari persoalan-persoalan yang membingungkan Hayy ini, Hayy akhirnya memahami bahawa dari rohlah datangnya semua perbuatan-perbuatan ibu rusanya, dari menyusukannya hinggalah membesarkannya. Perbuatan-perbuatan ini tidak datang dari badan fizikal yang kini sudah tidak aktif lagi. Hayy kemudiannya menyaksikan perlawanan antara dua burung gagak, burung gagak yang menang telah menanam lawannya yang kalah. Mengikuti perbuatan burung gagak ini, Hayy telah menanam ibu rusanya yang sudah mati. Episod ini menggambarkan sekali lagi bagaimana Ibnu Tufail mengambil idea dari kisah-kisah lain, yang bukan kesemuanya original dari beliau sendiri. Apa yang original adalah penggunaan falsafah dalam menerangkan intipati ceritanya. Dalam hal pengkuburan mayat ini, Ibnu Tufail meminjam dari kisah Habil dan Qabil. (20)

Semakin lama pemikiran Hayy mengembara meneroka konsep roh, dia sampai kepada kesimpulan bahawa roh-roh yang bertebaran dalam diri makhluk-makhluk yang wujud (manusia dan haiwan) sebenarnya merupakan roh yang sama. *Spirit was one in essence.* (28) Kesatuan roh ini adalah kerana ia merupakan benda yang sama, cuma dibahagikan ke dalam hati-hati makhluk yang berbeza. (29) Konsep kesatuan roh ini mengingatkan saya perihal apa yang dikatakan oleh Morrie Schwartz perihal kematian. Beliau menggunakan allegori ombak kecil yang takut akan kemusnahan apabila tiba masanya untuk dia menghempas pantai. Ombak yang lebih besar memberitahunya "*kamu bukan ombak, tapi sebahagian dari lautan*".<sup>3</sup>

Hayy kemudian berfikir, apa yang terjadi pada roh apabila manusia itu mati. Roh ini tidak sama essensinya dengan jasad. Oleh itu Hayy berfikiran bahawa roh itu mempunyai sifat keabadian, ia tidak seperti jasad yang terdedah kepada kerosakan dan kemusnahan. (56) Jadi, ia pasti akan ke tempat lain apabila ia berpisah dari jasad. Namun bagi Hayy perkara ini pastilah tidak terpakai kepada haiwan, kerana mereka tidak mempunyai kesedaran ketuhanan, mereka tiada keinginan untuk mendekati Tuhan, oleh itu roh mereka akan hilang dengan hilangnya jasad mereka. (58)

Ibnu Tufail menggambarkan roh sebagai cahaya matahari yang menyinari satu objek hingga objek itu dapat dilihat. Kelihatan seperti cahaya itu milik objek tersebut namun hakikatnya bukan, malah cahaya matahari itu tetap akan terus wujud jika objek itu telah musnah. Di sini dapat kita lihat sekali lagi pemikiran Ibnu Tufail akan keabadian roh. (78) Namun Ibnu Tufail tidak menerima bahawa roh itu sebahagian dari Tuhan, kerana walaupun ia adalah satu dari sudut *essence*, roh ini bersifat

---

<sup>3</sup> Mitch Albom. *Tuesdays with Morrie*. Warner, 2000.

*multiplicity*, terbahagi kepada pelbagai makhluk, manakala Tuhan sifatnya esa dan satu, tidak banyak. (79)

### **Kesatuan Kehidupan**

Dalam membangunkan konsep kehidupan, Ibnu Tufail melalui watak Hayy Ibn Yaqzan membawakan konsep kesatuan kehidupan. Dalam konsep ini, semua yang ada dalam dunia ini merupakan perkara yang sama. Cuma sesetengah benda atau perkara itu mempunyai sifat tambahan. Sebagai contoh, semua perkara yang ada mempunyai jisim seperti batu, haiwan, dan tumbuhan. Jisim ini akan sentiasa patuh pada tarikan graviti dan jatuh ke bawah. Namun, dalam kalangan objek ini, ada yang mempunyai sifat tambahan, contohnya tumbuhan dan haiwan yang mempunyai sifat vegetatif (mampu tumbuh dan berkembang hasil pengambilan nutrien). Kemudian dari dua objek ini, ada lagi sifat tambahan, iaitu haiwan mempunyai kebolehan pancaindera (*sensory*) dan mampu mengawal pergerakan (*local motion*). Jika dibuang satu persatu sifat tambahan ini, semua perkara, objek, dan makhluk itu adalah benda yang sama. (37)

Apabila dikatakan kesatuan kehidupan, apakah yang menyatukan objek-objek yang berbeza ini? Bagi Hayy, ia adalah *corporeity* iaitu mempunyai kualiti dalam mempunyai bentuk fizikal atau kewujudan. Semua objek-objek ini walaupun mempunyai sifat tambahan yang berbeza-beza, mereka semuanya mempunyai dimensi fizikal seperti tinggi, panjang, dan lebar. (38) *Corporeity* ini juga kadangkala disebut sebagai sifat objek yang mempunyai jisim (*matter*). (40)

Hayy juga memerhatikan hakikat kehidupannya yang mempunyai 3 komponen utama. Pertama yang bersamaan dengan haiwan, ini adalah kehendak-kehendak fizikal seperti makan, tidur, dan juga kehendak seksual. Kedua adalah persamaan dengan jisim-jisim lain seperti bintang-bintang di langit, dimana manusia juga berjisim dan sebagai contoh terikat pada tarikan graviti. Ketiga adalah sifat yang berkait dengan tuhan, manusia mempunyai komponen spiritual dan roh. (66)

### **Mencapai Persoalan Ketuhanan**

Hayy dalam penelitiannya melihat bahawa segala benda yang baru itu pasti terbit dari sesuatu. Oleh itu, lama kelamaan, beliau berfikir akan idea adanya pencipta bagi alam dan segala sesuatu di dalamnya. (41) Pada tahap ini, bayangan pemikirannya pada sang pencipta ini adalah bayangan umum dan beliau tidak berfikir lagi akan sifat-sifatnya. Perkara-perkara baharu pasti mempunyai sebab kewujudan. Dari sinilah beliau mencapai kepada satu kesimpulan bahawa adanya pencipta yang menjadi sebab kewujudan. Hal ini membawa Hayy kepada kefahaman perihal konsep Tuhan. (41)

Perkara yang baru itu terbit dari sesuatu. Oleh itu, jika kita undur ke belakang, perkara ini pasti bersambung-sambung. Tetapi di hujung sambungan tersebut ia pasti mempunyai permulaan. Kerana Hayy memikirkan sambungan yang tiada penghujung, atau disebut sebagai infiniti itu adalah suatu yang tidak logik dan mustahil. Maka garis permulaan inilah tempat dimana Tuhan menciptakan kejadian pertama dan dari kejadian pertama inilah bermulanya penerbitan sesuatu yang baharu hinggalah ke hari ini. (44)

Tuhan sifatnya tidak dapat dicapai melalui pancaindera manusia, kerana jika ia boleh dikesan oleh pancaindera manusia, ini bermakna dia adalah sebahagian dari dunia yang diciptakan. Jika tuhan itu diciptakan, ia mesti mempunyai tuhan lain yang menciptakannya. Sekali lagi kita akan terjatuh kepada regresif yang tidak berpenghujung *ad infinitum*. (49) Oleh itu ia tidak masuk akal. Sebaliknya tuhan itu adalah pemutus kepada regresif yang tidak berpenghujung ini, dan jika ada yang bertanya

siapa yang menciptakan tuhan? Soalan itu sendiri tidak logikal kerana ia sekali lagi akan mencetuskan regresif *ad infinitum*.

### **Mencapai Kesedaran**

Apabila Hayy tiba pada satu kesedaran. Bahawa dia merupakan makhluk ciptaan, dia mula berasa bertanggungjawab pada dirinya dan alam. Dia mula memilih untuk makan ketika lapar dan perlu sahaja. Malah dia memilih tumbuhan dan haiwan yang banyak untuk dijadikan makanan agar ekosistem terjaga dan mereka tidak pupus spesiesnya. (70) Kesedaran Hayy akan persamaannya dengan benda-benda berjisim juga menyebabkannya sentiasa mahu berharmoni dengan alam. Contohnya jika ada aliran air yang terhalang, dia akan memastikan halangan itu dialihkan. (72)

Kesedaran yang dicapai oleh Hayy juga menjadikan dia selalu mahu mengingati tuhan. Dia cuba memfokuskan minda, menutup mata dan telinga agar dia dapat mencapai khusyuk. (73) Membaca karya Ibnu Tufail ini, saya tertanya-tanya, bolehkah Hayy mencapai kepada satu kefahaman tentang ibadah yang khusus tanpa bantuan sebarang risalah yang dibawa oleh nabi atau rasul? Ternyata Hayy tidak berjaya mencapai apa-apa ibadah khusus, paling hampir adalah ritual seperti pertapaan dimana beliau cuba memfokuskan mindanya dan hanya mengingati Tuhan. (75)

Dalam perjalanan kesedaran Hayy, pertapaannya membawanya masuk ke dalam satu dimensi kebahagiaan hati, kenikmatan yang tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata. Perasaan dan dimensi ini tidak mampu diterangkan oleh apa-apa perkataan kerana bahasa manusia yang terbatas. Sesiapa yang meminta perkara ini dijelaskan melalui perkataan, bagi Ibnu Tufail, mereka meminta satu perkara yang mustahil. Apa yang mampu dilakukan untuk menggambarkan kenikmatan yang dilalui oleh Hayy hanya boleh dilakukan dengan penuh keterbatasan melalui bahasa figuratif dan *parable*. Namun ini semua tidak dapat memberikan gambaran yang sebenar-benarnya. (77)

### **Hayy Bertemu Asal**

Ibnu Tufail kemudian mengisahkan bagaimana Hayy bertemu dengan Asal. Asal merupakan seorang yang mahu memisahkan diri dari masyarakat dan mencari ketenangan melalui *solitude*. Pencarian beliau telah membawanya ke pulau di mana Hayy tinggal bersendirian. Asal kemudian mengajarkan Hayy bahasa pertuturan dan mendapati bahawa apa yang telah dicapai oleh Hayy melalui proses pemikirannya yang tersendiri tidak banyak bezanya dengan kefahaman agamanya. Disini Asal membuat kesimpulan bahawa tradisi dan renungan akal itu membawa kepada satu destinasi kefahaman yang sama. (96)

Asal kemudian membawa Hayy bertemu dengan masyarakat, dengan harapan bahawa Hayy dapat mengajarkan apa yang telah dia kecapai melalui proses perenungan dan berfikir. Namun mereka akhirnya hampa, kerana masyarakatnya terlalu sibuk dengan perkara yang bersifat material. Mereka terlalu sibuk mengumpul harta. Mereka terlalu cinta kepada keinginan-keinginan mereka, mereka sibuk bekerja untuk keinginan mereka hinggalah kubur-kubur mereka digali. (102) Asal dan Hayy mengambil keputusan untuk pulang ke pulau mereka, bermunajat bersendirian dalam *solitude* hinggalah sampai ajal menemui mereka.

### ***Solitude* dan Pencarian Diri**

Olahan dan penerangan Ibnu Tufail tentang bagaimana *solitude* dapat membantu manusia mencapai pengetahuan yang sebenar amat menyegarkan. Ia juga memberi saya perspektif baharu perihal kenapa manusia suka mencari ketenangan berseorangan. Suka ke tempat yang tiada orang seperti di dalam hutan dan belantara, di tepi sungai dan air terjun, di tepi pantai mendengar deruan ombak,

tempat-tempat *solitude* ini berjaya melahirkan perasaan tenang dalam diri manusia yang tak dapat dihasilkan dari solusi, teknologi dan ciptaan moden manusia.


Bagi Ibnu Tufail, *solitude* merupakan ruang ideal manusia untuk berfikir dan mengembangkan pemikirannya. Beliau menerangkan, melalui allegori-allegori bahawa ilmu sebenar bukan sekadar ilmu yang dapat dicerap melalui deria, juga bukan sekadar logik, falsafah dan eksperimen minda. Tetapi juga merangkumi perasaan-perasaan yang kita rasai dalam *solitude*, perasaan yang membawa kita berjumpa dengan diri kita sendiri. Malah bagi Ibnu Tufail, *solitude* merupakan metodologi untuk manusia mencapai ilmu yang tertinggi. (107)

Antara allegori Ibnu Tufail yang paling jelas adalah sebuah pulau yang tidak didiami manusia. *Solitude* manusia di pulau ini, dengan keindahan alam ciptaan Tuhan merupakan habitat fitrah asli bagi pembangunan minda manusia jauh dari segala kekotoran dan korupsi masyarakat. Bersendiri diselubungi alam buana dapat membantu manusia jauh dari tarikan dan gangguan manusia lain, jadi dia dapat fokus dan memerhatikan dirinya. Merasai dirinya. Merasai hidup.

Bagi Ibnu Tufail, gua adalah simbol kepada tempat manusia bertafakkur dan berfikir. Bukan seperti pemahaman gua kita, gua dianggap tempat penuh kegelapan, kita masuk ke dalam gua hanya ketika pasukan bola yang kita minati tewas. Bagi Ibnu Tufail, gua adalah tempat kita meneroka diri kita, jauh dari hiruk pikuk manusia yang bisung dengan urusan dunia mereka. Ia adalah tempat kita mengembara di dalam diri, dari pengembaraan ini kita berpeluang menjumpai ketenangan. (111) Gua bagi Ibnu Tufail, melindungi manusia dari segala kekotoran yang dibawa masyarakat, seperti Rousseau yang merasakan bahawa masyarakatlah yang merosakkan fitrah manusia. (112-113) Bagi saya tafsiran dan allegori Ibnu Tufail ini lebih memuaskan dalam menafsirkan sebab manusia suka mencari masa bersendiri. Juga bercuti di tempat-tempat yang jauh dari manusia lain. Kerana meski pun masyarakat menyuruh kita berlari-lari mengejar dunia dan kerjaya, jauh dalam sudut hati kita, kita mempunyai kerinduan untuk bersendiri dalam ketenangan dan kebahagiaan.

## Kesimpulan

Novel karya Ibnu Tufail ini sarat dengan perbahasan-perbahasan falsafah perihal diri manusia, fitrah manusia, kehidupan, roh, dan juga Tuhan. Walaupun idea asal kisah beliau tidaklah original, kemasukan idea-idea falsafah metafizik dalam mengembangkan kisahnya itulah yang menjadikannya original. Dapatan paling penting saya dari bacaan ini adalah kepentingan untuk kita berada dalam *solitude* dalam kehidupan. Saat hidup terasa sesak, serabut, terlalu laju, kita memerlukan masa-masa untuk bersendiri dan bermunajat kepada Tuhan. Pada masa itulah kita mampu *make sense* apa yang terjadi dalam hidup. Dan jika kita bernasib baik, kita akan bertemu dengan ketenangan.



## Nota

Bagi memudahkan rujukan, setiap isi yang disentuh dan dihuraikan dalam penulisan ini disertakan dengan nombor mukasurat buku asal dalam kurungan. Versi yang dirujuk adalah versi yang diterbitkan oleh Islamic Book Trust, Kuala Lumpur pada tahun 2020.